

LAMAN WEB PERBANDINGAN HARGA PAKAIAN

Ainul Suhana Binti Abd. Rahim
Dr. Umi Asma' Binti Mokhtar

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Inflasi telah memberi impak yang besar kepada semua orang, dan mereka akan menghabiskan wang dengan bijak. Mereka akan membandingkan harga produk yang sama, dan memilih tawaran yang lebih baik. Oleh itu, banyak laman web perbandingan harga dibangunkan untuk membantu pengguna mengumpulkan maklumat dengan lebih cepat. Walau bagaimanapun, tiada laman web yang membandingkan produk yang dituju untuk pelajar sahaja. Selain itu, banyak laman web perbandingan harga adalah laman web atau aplikasi membeli-belah dalam talian dimana pelajar yang masih di bangku sekolah menengah perlu mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa mereka untuk membeli sesuatu barang. Projek ini bertujuan menyelesaikannya. Penyelesaian untuk menangani masalah yang dinyatakan adalah untuk membina laman web harga perbandingan harga tanpa sebarang pembelian yang terlibat. Pangkalan data akan dibangunkan untuk menyimpan data dari laman web tertentu dan mendapatkan harga pasaran terkini. Kaedah yang digunakan untuk membina aplikasi ini adalah metodologi *Agile*. Metodologi ini dipilih untuk mengurangkan risiko kegagalan implementasi perisian dari segi teknikal dan mengikut kehendak pelanggan. Metodologi *Agile* adalah jenis pengembangan sistem jangka pendek yang memerlukan adaptasi cepat dan mengembang terhadap perubahan dalam bentuk apapun. Hasil aplikasi yang dibangunkan adalah menyelesaikan masalah yang dihadapi serta mencapai objektif-objektif yang dinyatakan.

1 PENGENALAN

Sistem adalah kumpulan yang terdiri dari komponen yang memiliki unsur keterkaitan antara satu dengan lainnya, Indrajit (2001:2).

Terdapat pelbagai pilihan jenama pakaian yang disedia sama ada dalam talian atau luar talian bagi memudah pembelian, terutamanya di sekitar Lembah Klang, contohnya jenama seperti H&M, Cotton On dan Factorie. Kemudahan ini disedia bagi membolehkan pengguna membuat perbandingan harga bagi setiap jenama berkenaan.

Sistem perbandingan harga dalam talian membolehkan pengguna membuat perbandingan harga oleh setiap gedung pakaian melalui sesebuah laman web. Melalui

perbandingan harga, pengguna boleh merancang pembelian dengan membeli harga pakaian tersebut ketika promosi harga jualan murah.

Projek ini dibangun menggunakan laman web kerana penggunaan laman web dalam talian semakin meningkat (Utusan Malaysia 2016). Laman web mudah untuk dibangunkan. Walau bagaimanapun, mereka lebih cepat dan lebih cekap, kerana mereka bekerja seiring dengan peranti mudah alih yang mereka bangunkan. Mereka juga terjamin kualiti, kerana pengguna boleh mengaksesnya hanya melalui setor dalam talian. Manakala, aplikasi web boleh menyebabkan kos penyelenggaraan yang lebih tinggi merentasi pelbagai rangkaian mudah alih.

2 PENYATAAN MASALAH

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh ramai orang iaitu harga pakaian yang dijual berbeza harga daripada setiap peniaga. Gaya pakaian yang sama tetapi dijual dengan harga yang berbeza. Perbezaan harga bagi pakaian yang sama menyebabkan kerugian kepada pengguna, sekiranya pengguna tidak membuat tinjauan harga sebelum membuat pembelian.

Selain itu, untuk membina pangkalan data harga pakaian terkini daripada laman web pakaian iaitu H&M, Cotton On, Factorie. Projek ini akan dibina fungsi mengelintar harga secara automatik berdasarkan penapisan gelintar (*filter searching*). Oleh itu, pangkalan data yang terdiri dari tiga laman web tersebut akan dibina dan diguna untuk memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Laman web perbandingan harga ini dibangun bagi membuat perbandingan harga untuk melindungi pengguna daripada berbelanja daripada berbelanja dengan boros. Sasaran penggunaan aplikasi ini adalah untuk golongan belia yang berumur daripada 13 hingga 28 tahun. Ini kerana jenama H&M, Cotton On dan Factorie merupakan jenama pakaian yang paling digemari oleh golongan ini.


3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

1. Membangun pangkalan data yang terdiri daripada harga pakaian dari tiga jenama pakaian seperti H&M, Cotton On dan Factorie berasaskan laman web.
2. Menyedia fungsi menggelintar secara automatik berdasarkan penapisan gelintar (*filter searching*).
3. Membangun aplikasi yang membanding harga dari tiga jenama pakaian seperti H&M, Cotton On dan Factorie berasaskan laman web.

4 METOD KAJIAN

Metodologi yang diguna untuk membangunkan aplikasi mudah alih pengurusan inventori ialah metodologi *Agile*. Metodologi ini dipilih untuk mengurangkan risiko kegagalan implementasi perisian dari segi teknikal dan mengikut kehendak pelanggan. Metodologi *Agile* adalah jenis pengembangan sistem jangka pendek yang memerlukan adaptasi cepat dan mengembang terhadap perubahan dalam bentuk apapun. Metodologi ini terdapat lima fasa seperti di Rajah 1.



4.1 Fasa Perancangan

Fasa ini merupakan fasa untuk memahami tujuan laman web perbandingan harga pakaian dibangun serta bagaimana laman web dilakukan. Fasa ini memenuhi keperluan objektif serta fasa bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengguna.

4.2 Fasa Analisis

Fasa ini merupakan fasa untuk menganalisis keperluan serta perisian yang diguna

untuk membangunkan laman web perbandingan harga pakaian mengikut kesesuaian serta membahagikan maklumat mengikut penyusunannya.

4.3 Fasa Reka bentuk

Fasa ini merupakan fasa untuk mereka bentuk antaramuka laman web perbandingan harga pakaian. Pada fasa ini antaramuka laman web dilakukan mengikut kehendak pengguna serta warna yang sesuai yang dapat menarik pengguna untuk menggunakannya.

4.4 Fasa Pelaksanaan

Fasa ini merupakan fasa pelaksanaan untuk membangunkan laman web perbandingan harga pakaian serta membuat fungsi mengikut objektif yang ditentu. Pada fasa ini pangkalan data serta penulisan kod pengaturcaraan dilakukan.

4.5 Fasa Pengujian


Fasa ini merupakan fasa pengguna akhir yang menguji serta memberi maklum balas terhadap laman web perbandingan harga pakaian. Sebarang maklum balas bagi penambahbaikan dan pengubahsuaian diambil kira untuk dibawa semula ke fasa perancangan.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil daripada proses pembangunan laman web perbandingan harga pakaian. Penerangan yang mendalam tentang laman web perbandingan harga pakaian dibincangkan. Fasa reka bentuk merupakan fasa yang penting dalam membangun sesebuah sistem. Untuk projek ini, *Wordpress* telah digunakan untuk membangunkan laman web ini. *WordPress* adalah sistem pengurusan kandungan percuma dan sumber terbuka (*Free open-source and content management system*) menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan pangkalan data MySQL. Untuk berfungsi, *WordPress* perlu dipasang di pelayan web (*web server*), yang mana akan menjadi sebahagian daripada perkhidmatan *hosting Internet* atau hos rangkaian dengan tersendiri.

Rajah 5.1 dan Rajah 5.2 menunjukkan halaman utama yang telah dihasilkan selepas direka bentuk.


Rajah 5.1 Halaman Utama



Compare the price and save your money !!

Oliverette provides you with an easy way to find the best price on your next clothes from favourite brands like H&M, COTTON ON AND FACTORIE... The site will make it easy for you to compare the prices from your own picked favourite clothes

Rajah 5.2 Halaman Utama




Laman utama ini tidak memerlukan log dan daftar masuk pengguna. Pada bahagian atas halaman, terdapat beberapa menu yang boleh dipilih oleh pengguna. Antaranya, *All clothes*

(semua pakaian), dan nama-nama jenama iaitu H&M, Factorie dan Cotton On. Pada bahagian bawah pula, pengguna boleh memilih pakaian-pakaian yang di pilih secara rawak untuk diterokai. Di sini juga mempunyai 4 menu iaitu *Shows all*, *Favourites*, *Popular* dan *Best Rated*.


Rajah 5.3 menunjukkan antara muka sehelai pakaian. Selepas pengguna memilih pakaian, antara muka ini akan dipaparkan.

Rajah 5.3 Halaman pakaian (produk)




Pada halaman ini, terdapat beberapa maklumat dan fungsi untuk pengguna. Halaman ini mempunyai gambar pakaian yang jelas untuk pengguna dan juga beberapa pilihan warna yang lain. Ia juga mempunyai beberapa maklumat tentang pakaian seperti nama dan jenis pakaian, harga dan huraian. Apabila pengguna menekan butang *Buy This Item* pengguna akan disambungkan terus ke laman web kedai atau jenama pakaian. Seterusnya, pengguna menekan butang *Add To Compare*, satu halaman *pop-out* akan muncul untuk membuat perbandingan (Rajah 5.4).

Rajah 5.4




Rajah 5.5



Apabila pengguna menekan butang *Compare* pada laman *pop-out* Rajah 5.4, pengguna akan disambungkan pada halaman perbandingan. Di halaman ini, pengguna akan dipaparkan perbandingan harga pakaian.

Rajah 5.6



Rajah 5.6 menunjukkan *product filter* iaitu pengguna menggunakannya untuk meniriskan pencarian kehendak pengguna. Pengguna perlu memilih kategori pakaian daripada *hoodie*(baju berhud), *Dress*(dres), *Jeans*, *Jacket*(jaket) dan *Shirt*(baju) dan lain-lain. Selepas itu, keputusan akan dipaparkan.

6 KESIMPULAN

Laman web perbandingan harga pakaian dijangka dapat membantu pengguna dan pelanggan melakukan perbandingan dengan lebih senang. Kemudahan ini membolehkan pengguna membuat perbandingan harga oleh setiap gedung pakaian melalui sesebuah laman web. Melalui perbandingan harga, pengguna boleh merancang pembelian dengan membeli harga pakaian tersebut ketika promosi harga jualan murah. Laman web ini dibangunkan untuk digunakan pada semua jenis gajet seperti telefon mudah alih, tablet dan computer riba. Pengguna dapat mengakses fungsi yang terdapat pada laman web ini dengan lebih cepat dan di mana sahaja. Laman web ini juga mempunyai fungsi pencarian. Pencarian ini akan memudahkan pengguna untuk mencari pakaian yang lebih spesifik. Laman web ini mempunyai tiga jenama iaitu H&M, Cotton On dan Factorie. Ketiga-tiga jenama merupakan jenama kegemaran belia berumur diantara 13 hingga 28 tahun kerana golongan ini kerap membeli jenama pakaian yang dibuat perbandingan harga.

7 RUJUKAN

Baye, M. R., J. Morgan, and P. Scholten. 2004. Price Dispersion in the Small and in the Large: Evidence from an Internet Price Comparison Site, *The Journal of Industrial Economics* 52, 463-496.

Bernnett, S. et al. 2006 *Object-Oriented Systems Analysis and Design Using UML*. 3rd ed. McGraw-Hill Education.

Polyvore. 2017. Polyvore – Fashion & Style – muat turun aplikasi untuk IOS.
<https://itunes.apple.com/us/app/polyvore-fashion-style/id499978982?mt=8>
[20 Oktober 2017].

Rao, Leena. 2012. Virtual Styling and Fashion Community Polyvore. TechCrunch.

Shibin Chittil, Nidheesh Chittil, Rishikee M. R. 2014. Online Shopping System. School Of Enginnering, Cochin University Of Science & Technology.

Spiegler, R. and K. Eliaz. 2010. A simple Model of Search Engine Pricing, The Pinhas Sapir Center for Development Discussion Paper No. 1-2010, Tel Aviv University.

Tan Jia Ming. 2013. Mobile Price Sharing And Comparison System. University Tuanku Abdul Rahman.

Urban Outfitters. 2017. Urban Outfitters – muat turun aplikasi untuk IOS.
<https://itunes.apple.com/us/app/urban-outfitters/id358821736?mt=8>
[20 Oktober 2017].

Wei Pin Lim. 2009. Sistem Perbandingan Harga Produk Komputer Secara Atas Talian. Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Teknologi Malaysia.

Whatgas.com (2012) Whatgas.com | "The price sharing community". [online] Available at: <http://www.whatgas.com/>